

COVID-19: 325 petugas KKM positif - KP Kesihatan

Astro Awani

23 April 2020

Umavathi Ramayah,

PUTRAJAYA: Seramai 325 kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau 5.8 peratus daripada jumlah kumulatif kes COVID-19 dilaporkan positif jangkitan itu, setakat Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, daripada jumlah itu, 23 individu adalah pakar perubatan, pegawai perubatan siswazah (34 orang), pegawai perubatan (77 orang), penolong pegawai perubatan (21 orang) dan jururawat sebanyak 66 orang.

Jelas beliau, berdasarkan siasatan awal, 70 peratus daripada kes itu tidak berpunca daripada pengendalian kes sebaliknya berpunca daripada aktiviti persendirian seperti menghadiri majlis atau ke luar negara.

"Setakat ini 185 individu telah pulih dan dibenarkan pulang sementara 137 kes lagi masih dirawat dengan tiga kematian direkodkan membabitkan kakitangan KKM," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya di sini, pada Khamis.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, kes membabitkan pelajar dan guru tahfiz dilaporkan semakin meningkat apabila bilangan positif COVID-19 yang dikesan kini mencecah 330 orang atau 6.1 peratus daripada jumlah kumulatif kes.

Katanya, setakat ini, pihaknya telah mengenal pasti 13,833 pelajar dan guru daripada 208 madrasah tahfiz di seluruh negara dengan 5,385 sampel saringan telah dilakukan.

Setakat ini, beliau memberitahu, sebanyak 5,385 sampel saringan telah dilakukan ke atas kumpulan itu.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-325-petugas-kkm-positif-kp-kesihatan-239832>